

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM TINGKATKAN MARTABAT PENGASUH PROFESIONAL		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1359683/kpwkm-tingkatkan-martabat-pengasuh-profesional	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/10/wanita-perlu-berani-suarakan-pendapat-manfaatkan-peluang-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wec-2025-bincang-konsep-caregiverpreneurship-nancy-508077	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2391107	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2391165	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/10/persidangan-keusahawanan-wanita-2025-perkasa-wanita-dayak-dalam-bidang-keusahawanan/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/go-into-post-natal-care-association-urges-native-women/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/10/perantis-dikembangkan-lebih-ramai-wanita-digalak-mohon/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/10/program-kepimpinan-perantisan-wanita-ditambah-baik-permohonan-dibuka-17-februari/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/conference-to-discuss-caregiverpreneurship-concept/	SARAWAKTRIBUNE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	142 TASKA BERDAFTAR DI SARAWAK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/142-taska-berdaftar-di-sarawak	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/10/terdapat-1080-taska-masih-belum-berdaftar	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terdapat-1-080-taska-masih-belum-berdaftar-di-seluruh-negara-x9duq6a	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sarawaktribune.com/ministry-introduces-physical-plaque-for-taska/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://www.theborneopost.com/2025/02/10/minister-over-1000-childcare-centres-in-msia-operating-without-proper-registration/	THEBORNEOPOST.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PROGRAM SINAR LESTARI YAPEIM REALISASIKAN IMPIAN MILIKI RUMAH BAHARU		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/10/program-sinar-lestari-yapeim-realisasikan-impian-miliki-rumah-baharu/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/10/dua-keluarga-ekasih-terima-rumah-baharu-di-bawah-program-sinar-lestari-yapeim/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	JKM DISARAN PROAKTIF, KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI TANGANI ISU GELANDANGAN		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1359551/jkm-disaran-proaktif-kerjasama-dengan-universiti-tangani-isu	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/02/10/learn-from-global-models-to-address-homelessness-in-kl-jkm-told/	FREEMALYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KERAJAAN PERUNTUK RM13.5 JUTA, LAKSANA SARINGAN KANSER SERVIKS DAN KANSER PAYUDARA		POSITIF
	https://negerikita.org/kerajaan-peruntuk-rm13-5-juta-laksana-saringan-kanser-serviks-dan-kanser-payudara/	NEGARIKITA.ORG	
	https://negerikita.org/pengambilan-vaksin-hpv-mampu-cegah-kanser-serviks/	NEGARIKITA.ORG	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PM WANTS FLOOD MITIGATION, POVERTY ERADICATION TO BE SPED UP		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/10/pm-wants-flood-mitigation-poverty-eradication-to-be-spud-up	THESTAR.COM.MY	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/251810/flood-victims-cannot-wait-prime-minister-wants-mitigation-projects-expedited-implementation-methods-relaxed/	DAILYEXPRESS.COM.MY	
	https://sabahmedia.com/2025/02/10/perdana-menteri-tekanan-segera-usaha-kebijakan-rakyat-dan-gunakan-tender-terbuka/	SABAHMEDIA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BURUH 'HERET' BUDAK PEREMPUAN MASUK HUTAN DIDAKWA		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/10/buruh-heret-budak-perempuan-masuk-hutan-didakwa/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/buruh-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1185858/buruh-didakwa-laku-amang-seksual-terhadap-remaja	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/711883/berita/semasa/buruh-binaan-dituduh-amang-seksual#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/02/buruh-mengaku-tidak-bersalah-amang-seksual-liwat-remaja-16-tahun/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	ORANG AWAM BERKAS PEMUDA CABUL WANITA DI R&R SEREMBAN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/10/orang-awam-tahan-lelaki-cabul-wanita-di-rnr-seremban/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/711891/berita/semasa/lelaki-cabul-wanita-di-rr-seremban-ditahan#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1185899/lelaki-ditahan-cabul-atlet-wanita	HMETRO.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/02/10/cabul-wanita-di-rr-lelaki-gatal-direman-4-hari	MSTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	TERTUDUH AMANG SEKSUAL MENANGIS TAK MAMPU BAYAR IKAT JAMIN RM30,000		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1185836/tertu-duh-amang-seksual-menangis-tak-mampu-bayar-ikat-jamin-rm30000	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/warga-asing-laku-amang-seksual-menangis-tidak-mampu-bayar-ikat-jamin-rm30000/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	TUKANG CUCI MENGAKU ROGOL REMAJA DIPENJARA 5 TAHUN, 2 SEBAT		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1359602/tukang-cuci-mengaku-rogol-remaja-dipenjara-5-tahun-2-sebat	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1185868/tukang-cuci-kereta-rogol-remaja-dipenjara-5-tahun-2-sebat	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PERANTIS APPLICATIONS TO OPEN FEB 17 TO MARCH 16

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 11 FEB 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Perantis applications to open Feb 17 to March 16

Desiree David

KUCHING: The Women's Apprenticeship Leadership Programme (Perantis) will be open for application from Feb 17 to March 16 this year.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the government had allocated RM5 million for the programme, as announced during its launch by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim on International Women's Day last year.

"Perantis will provide mentorship, resources, and a platform to empower women. So far, out of more than 350 applications last year, 25 programmes have been approved,



Datuk Seri Nancy Shukri

benefitting 1,247 participants with a budget of RM1.2 million.

"I encourage women to seize this opportunity, apply, and actively participate in Perantis. The selection process will be led by a panel of 14 experts to ensure the most effective and innovative proposals are chosen," said the minister.

She was speaking during a

media session on the Women Entrepreneurship Conference (WEC) 2025, themed 'Empowering Women in Leadership for Entrepreneurship', at the Dayak Chamber and Commerce Industry hall here yesterday.

Organised by Women Empowerment and Sustainability Network Association (Wesna) Kuching, the conference is set to be held this Feb 21 and 22.

The WEC 2025 is hailed as a strategic platform to equip Dayak women with the necessary skills, resources and networks to thrive in business, while ensuring that they would have equal opportunities to succeed in a competitive and evolving economy.

On this, Nancy said Perantis wanted to empower women through WEC 2025, an initiative

by the Department of Women's Development.

"It is meant to support 100 women leaders nationwide, each receiving up to RM50,000 for programme implementation, with a target of 5,000 female participants this year.

"The conference will foster innovation, knowledge sharing, and economic participation, focusing on modern agriculture, digital transformation, e-marketing trends, and emerging business opportunities."

She said the gathering will provide Dayak women with valuable networking opportunities, enabling them to connect, exchange ideas, and build strategic collaborations while gaining practical skills and industry knowledge to excel in today's business landscape.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WANITA PERLU BERANI SUARAKAN PENDAPAT, MANFAATKAN PELUANG: NANCY

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 11 FEB 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita perlu berani suarakan pendapat, manfaatkan peluang: Nancy

KUCHING: Golongan wanita diseru agar lebih berani menyuarakan pendapat serta melibatkan diri dalam pelbagai program termasuk anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri menegaskan bahawa wanita harus menggunakan inisiatif serta peluang yang disediakan oleh kerajaan sebagai sumber pendapatan sampingan.

“Secara peribadi saya ingin melihat lebih ramai golongan wanita berjaya.

“Tidak kira anda ingin menjadi ahli politik atau usahawanita, justeru setelah perbincangan bersama kementerian saya, saya ingin membuka lebih banyak peluang dan platform untuk golongan wanita,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Persidangan Keusahawanan Wanita 2025 di Dayak Chamber Tower



KENANGAN: Nancy (dua kiri) bergambar bersama tetamu selepas merasmikan Persidangan Keusahawanan Wanita 2025 di Dayak Chamber Tower, Kuching semalam. — Gambar UKAS

Tower di sini semalam.

Memetik laporan Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Ahli Parlimen Santubong itu turut berkongsi pengalamannya sendiri mengenai kepentingan keberanian dan usaha dalam merebut peluang yang ada.

“Saya sendiri pernah melalui pengalaman ini. Jika kita tidak mendorong diri sendiri

kita tidak akan ke mana-mana kerana tiada siapa yang akan memberikan peluang kepada kita. Kita perlu berusaha dan menyedari bahawa terdapat banyak peluangserta potensi di luarsana. Bagaimana kita boleh melibatkan diri,” katanya.

Sementara itu, beliau turut menekankan kepentingan bidang penjagaan khususnya perkhidmatan penjagaan ber-

pantang yang wajar diketengahkan bagi membantu wanita selepas bersalin.

Beliau berharap peluang ini dapat dimanfaatkan bukan sahaja oleh wanita dewasa tetapi juga golongan wanita muda dan remaja.

“Saya mahu melihat lebih ramai wanita muda dan gadis-gadis muda merebut peluang ini,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	'OVER 1,000 CHILDCARE CENTRES WITHOUT PROPER REGISTRATION'		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	11 FEB 2025	M/SURAT :	02
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM



Nancy presents toys to children present at the event. — Photo by Roystein Emmor

'Over 1,000 childcare centres without proper registration'

Desiree David
desireedavid@theborneopost.com

KUCHING: The Women, Family and Community Development Ministry has identified 1,080 childcare centres nationwide that are operating without proper registration.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said action would be taken against these centres, emphasising that enforcement was part of her ministry's efforts to ensure safety at these facilities and their compliance with the rules and regulations.

"If the childcare centres have already submitted their applications and are still in the processing stage and pending approval, but have started operating, we will know about it. If they're operating (without any proper registration), we would take action. This is part of our administration," said the Santubong MP when met by reporters after presentation of registration plaques to childcare centres at Dewan Wisma Kebajikan at the Sarawak Welfare Department (JKM) headquarters here yesterday.

She added that as at Jan 31 this year, Sarawak had 142 registered childcare centres: 65 in Kuching, 22 in Samarahan, 13 in Miri, and 42 across other divisions.

"Of the total, 103 are institutional childcare centres, 14 are workplace childcare centres, four are community childcare centres, and 21 are home-based childcare centres.

"However, there are still 95 unregistered childcare centres in Sarawak," said Nancy, noting that some of them might still be in the application process. As of today, 20 childcare centres in Sarawak have successfully received their registration certificates, where some of them are presented with the plaques today.

"Meanwhile, 16 childcare centres in Sarawak have ceased operations, possibly due to insufficient resources or failure to meet the requirements set by local authorities. Additionally, 59 centres have been issued warning notices and are awaiting further action," she said.

Nancy also pointed out that surprise visits to childcare centres would be conducted without prior notice, as part of the scheduled enforcement process.

As for the childcare centres that had ceased operation, she emphasised that they could always submit new applications as long as they complied with the set requirements.

"Sarawak has additional requirements, as compared to those set for other states, because land surveys are also involved.

"Land regulations here are

different from other states, which makes the process unique to Sarawak."

Nancy added that if the approval of an application were to be solely up to the ministry, it would not take long, but the process would usually involve multiple steps.

"If they intend to operate, they must also apply for approval from the local authority, which at times requires our recommendation.

"Our recommendation is based on specific criteria, but the final approval also depends on inspections by the Fire and Rescue Department (Bomba) and the local authorities. They will assess whether a centre complies with the safety regulations before granting the approval."

Meanwhile in her speech earlier, Nancy emphasised that the registration plaque must be displayed on a clearly visible part of the centre.

She said this allows parents and the community to easily identify registered childcare centres.

"The public is also encouraged to check the JKM website, www.jkm.gov.my, to verify the registration status of their chosen childcare centres.

"Parental awareness in selecting registered childcare centres is crucial in efforts to improve the quality of childcare services in Malaysia," she stressed.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TERDAPAT 1,080 TASKA MASIH BELUM BERDAFTAR: NANCY

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 11 FEB 2025

M/SURAT : 03

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Terdapat 1,080 taska masih belum berdaftar: Nancy

Itu jumlah belum berdaftar di seluruh negara setakat ini, termasuk 95 taska di Sarawak

Oleh Henrietta Liza

KUCHING: Terdapat 1,080 taska masih belum berdaftar di seluruh negara setakat ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata daripada jumlah tersebut, 95 buah taska yang belum berdaftar itu adalah di Sarawak.

"Di seluruh negara, 1,080 yang tidak berdaftar yang kita tahu seperti yang telah saya maklumkan sebelum ini.

"Kalau sudah menghantar permohonan yang dalam proses dan kita belum luluskan lagi, tapi mereka beroperasi, kita tahu sudah tentu kalau mereka beroperasi kita akan ambil tindakan, ini dalam bidang kuasa pentadbiran Kementerian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Peluncuran Penyampaian Plak Taska Berdaftar Sarawak di Dewan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Kuching, di sini semalam.

Sehingga 10 Januari lepas, sebanyak 20 taska telah berjaya mendapat perakuan pendaftaran.

Sementara itu, Nancy juga mendedahkan bahawa sebanyak 16 taska di Sarawak telah berhenti beroperasi disebabkan kekurangan anak jagan atau gagal mematuhi peraturan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Manakala 59 lagi taska di negeri ini telah diberi notis peringatan dan dalam tindakan selanjutnya.

Nancy berkata Sarawak mempunyai 142 pusat jagan kanak-kanak berdaftar, termasuk 65 di Kuching, 22 di Samarahan, 13 di Miri dan 42 di bahagian lain setakat 31 Januari 2025.

"Daripada jumlah ini, 103 adalah pusat jagan kanak-kanak-institusi, 14 adalah taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja, empat adalah taman asuhan kanak-kanak komuniti dan 21 adalah taman asuhan kanak-kanak di rumah.

"Bagaimanapun, masih terdapat 95 pusat jagan kanak-kanak tidak berdaftar di negeri ini," kata Nancy, sambil menyatakan bahawa sebahagian daripadanya mungkin masih dalam proses permohonan.

Setakat semalam tambah Nancy, 20 pusat jagan kanak-kanak di negeri ini berjaya menerima sijil pendaftaran



TINJAU: Nancy (tengah) bersama kenamaan lain beramah mesra dengan kanak-kanak dari taska di tempat kerja di JKJ semalam.

— Gambar Roystein Emmer

mereka di mana sebahagian daripadanya telah disampaikan plak pada majlis itu semalam.

"Sementara itu, 16 pusat jagan kanak-kanak di Sarawak telah diberhentikan operasi tidak mencukupi atau kegagalan memenuhi keperluan ditetapkan pihak berkuasa tempatan.

"Selain itu, 59 pusat telah dikeluarkan notis amaran dan sedang dalam tindakan lanjut," katanya.

Beliau juga menambah bahawa lawatan mengejut ke

pusat jagan kanak-kanak juga dilakukan tanpa notis awal, sebagai sebahagian daripada proses penguatkuasaan yang dijadualkan.

Bagi 16 pusat jagan kanak-kanak yang berhenti beroperasi, Nancy menegaskan mereka sentiasa boleh mengemukakan permohonan baharu asalkan mematuhi keperluan pihak berkuasa tempatan.

"Sarawak mempunyai keperluan tambahan berbanding negeri lain kerana kajian tanah turut terlibat.

"Peraturan tanah di sini ber-

"Kalau sudah menghantar permohonan yang dalam proses dan kita belum luluskan lagi, tapi mereka beroperasi, kita tahu sudah tentu kalau mereka beroperasi kita akan ambil tindakan, ini dalam bidang kuasa pentadbiran Kementerian."

Dato Sri Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

beza daripada negeri lain, yang menjadikan proses itu unik untuk Sarawak," katanya.

Nancy menambah, jika kelulusan permohonan hanya terpujang kepada Kementerian, ia tidak akan mengambil masa yang lama, tetapi proses itu biasanya melibatkan beberapa langkah.

"Jika mereka berhasrat untuk beroperasi, mereka juga mesti memohon kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan, yang kadang-kadang memerlukan cadangan kami.

"Syor kami adalah berdasarkan kriteria tertentu, tetapi kelulusan akhir juga bergantung kepada pemeriksaan pihak bomba dan pihak berkuasa tempatan.

kanak-kanak pilihan mereka. Beliau berkata kesedaran ibu bapa dalam memilih pusat jagan kanak-kanak berdaftar adalah penting dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Malaysia.

Nancy berkata, proses pendaftaran tidak rumit dan akan ditapis mengikut penilaian yang dilakukan oleh pihak berkaitan.

"Pihak berkuasa kadang-kadang meminta kami punya cadangan jadi kita berdasarkan kriteria, pihak bomba ataupun PBT akan melihat, mereka akan turun untuk meninjau dan lihat sama ada pematuan dari segi keselamatan ditepati," katanya menjelaskan.

Katanya, dua komponen utama yang menjadi asas dalam sistem taska adalah keselamatan dan kelayakan pengasuh.

Terdahulu berucap pada majlis itu, beliau meminta ibu bapa dan penjaga membuat semakan di laman sesawang JKJ di www.jkm.gov.my bagi memastikan status pendaftaran taska yang mereka pilih.

Sebanyak 3,198 taska berdaftar di seluruh negara akan menerima Plak Taska Berdaftar, yang mesti dipamerkan di lokasi yang mudah dilihat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Datuk Seri Nancy Shukri menyaksikan majlis penyerahan rumah baharu kepada Alizan Abu Seman di Kampung Pasir Pandak, Kuching, hari ini. Foto TVS

Program Sinar Lestari YAPEIM realisasikan impian miliki rumah baharu

By *Haleyson Roland* #bm, Berita Sarawak February 10, 2025 8:28 PM

KUCHING, 10 Feb: Penerima bantuan bina rumah baharu di Kampung Pasir Pandak di sini menzahirkan rasa syukurnya atas bantuan menyiapkan rumah untuk keluarganya.

Asni Sabang berkata Program Sinar Lestari, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), membolehkan impian keluarganya memiliki rumah baharu menjadi realiti.

"Saya menetap di sini sudah lama. Oleh kerana struktur rumah ini sudah agak usang, kami terpaksa memohon melalui eKasih. Syukur alhamdulillah saya mendapat bantuan rumah ini.

"Saya sangat berterima kasih kepada YAPEIM dan Ahli Parlimen Santubong Datuk Seri Nancy Shukri kerana menyumbang untuk saya mendapat rumah ini," katanya.

Beliau ditemui pada majlis penyerahan rumah baharu itu yang disempurnakan Nancy, hari ini.

Menurut Asni, isteri kepada Alizan Abu Seman, YAPEIM turut memberi bantuan kewangan RM3,000 bagi membolehkannya menyediakan perkhidmatan menjahit pakaian.

"Saya memiliki kemahiran menjahit, sedikit sebanyak ia (bantuan YAPEIM) telah membantu saya menjana pendapatan," katanya.

Dalam pada itu, Nancy yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata beliau atas kapasitinya sebagai Ahli Parlimen Santubong turut menyalurkan dana RM40,000 bagi membina rumah berkenaan.

"Bantuan bukan dari kementerian tetapi saya sebagai wakil rakyat yang di sini, kita juga mendapat geran daripada kerajaan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM disaran proaktif, kerjasama dengan universiti tangani isu gelandangan

Oleh Mahani Ishak - Februari 10, 2025 @ 11:55am
mahani@bh.com.my



Gelandangan di sekitar Lorong Bandar 13 bersebelahan Pasar Seni. - Foto NSTP/Etzairi Shamsudin

KUALA LUMPUR: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) disaran mengambil pendekatan lebih proaktif dan holistik dalam menangani isu gelandangan di ibu kota yang dilihat semakin mencemarkan imej negara.

Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng, berkata agensi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) itu boleh menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi mendapatkan khidmat nasihat pakar.

"Kajian akademik yang mendalam mampu mengenal pasti punca sebenar masalah gelandangan serta merangka penyelesaian yang lebih berkesan dan jangka panjang.

"Selain itu, JKM wajar meneliti dan mencontohi pendekatan yang berjaya dilaksanakan di negara lain seperti Finland, Jepun dan Singapura dalam menangani isu gelandangan.

"Model pengurusan yang bersepadu dan berkesan dari negara-negara ini boleh dijadikan rujukan untuk disesuaikan dengan konteks negara ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Terdahulu, media menerusi tinjauan sikap pengotor golongan gelandangan yang 'berkampung' di sekitar kawasan Jalan Petaling di sini, mengakui mual apabila melihat berpuluh tompokan najis manusia berteraburan di lokasi itu.

Bukan itu saja, bau hamis dan hancing turut mengganggu keselesaan orang ramai berikutan gelandang itu membuang air kecil di merata tempat terutama bahu jalan dan kaki lima jalan di situ.

Lip Eng berkata, pihak berwajib tidak boleh terus membiarkan Kuala Lumpur dilabel dengan gelaran yang memalukan.

"Dengan status ibu negara, Kuala Lumpur harus menjadi contoh sebagai bandar raya bersih, selamat dan selesa untuk didiami.

"Oleh itu, tindakan segera dan berkesan perlu diambil bagi memastikan kesejahteraan masyarakat dan mengekalkan imej negara di mata dunia," katanya.

Katanya, Kuala Lumpur yang kini digelar sebagai 'wilayah tahi' atau 'wilayah hancing' merujuk kepada keadaan najis dan air kencing gelandangan yang berleluasa di merata-rata tempat.

"Fenomena ini bukan saja mencemarkan imej ibu negara, tetapi menimbulkan kebimbangan serius terhadap kebersihan, kesihatan awam dan kualiti hidup penduduk," katanya.

Katanya, isu gelandangan berada di bawah bidang kuasa JKM, manakala agensi lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), hospital dan polis hanya berperanan sebagai penyokong dalam usaha menangani masalah itu.

"Bagaimanapun, JKM berdepan pelbagai cabaran yang antaranya ialah isu kekurangan dokumentasi, kesukaran berinteraksi serta sikap tidak bekerjasama dalam kalangan mereka, keterbatasan sumber dan fasiliti sedia ada.

"Masalah ini semakin meruncing disebabkan oleh kemudahan yang tersedia untuk gelandangan mendapatkan makanan dan wang daripada orang ramai yang ingin membantu.

"Walaupun niat murni masyarakat menyalurkan bantuan amat dihargai, tindakan atau kemurahan hati orang awam secara tidak langsung menggalakkan pertambahan jumlah gelandangan di ibu kota," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan peruntuk RM13.5 juta, laksana saringan kanser serviks dan kanser payudara



SANTUBONG: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus mempergiat usaha untuk meningkatkan kesedaran akan kepentingan pencegahan dan rawatan kanser serviks.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Nancy Shukri berkata, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM13.5 juta kepada LPPKN untuk melaksanakan saringan kanser serviks dan kanser payudara.

"KPWK yakin saringan ini dapat memberi manfaat kepada 67,000 wanita di seluruh negara pada tahun 2025, sekaligus membantu dalam usaha pencegahan dan pengesanan awal kanser," kata beliau.

Nancy berkata demikian dalam ucapan perasmian Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan 2025 yang telah berlangsung di Santubong, Sarawak.

Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan 2025 tahun ini turut dimeriahkan dengan satu sesi sembang santai bertajuk "Know It To Beat It!: Be Cervical Cancer Aware" melalui perkongsian oleh Doktor Perubatan LPPKN, Pakar Perubatan jemputan, serta bekas pesakit kanser.

Turut hadir pada majlis ini ialah Ketua Setiausaha KPWKM, Dato' Dr.Maziah Che Yusoff; Pengerusi LPPKN, Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan Ketua Pengarah LPPKN, Abdul Shukur Abdullah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : DAWN HOPE SEDIA LALUAN REMAJA HAMIL BINA SEMULA KEHIDUPAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 FEB 2025

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Dawn Hope sedia laluan remaja hamil bina semula kehidupan

Pusat transit remaja hamil beri latihan kemahiran bantu masa depan lebih cerah

Oleh Mohd Roji Kawi
bhrencana@bh.com.my

Pusat transit remaja hamil bawah umur yang pertama di Sarawak Dawn Hope bukan sahaja menyediakan perlindungan dan pemulihan selamat untuk ibu muda dan bayi mereka, malah pusat yang diwujudkan menerusi inisiatif Yayasan Sime Darby (YSD) dan Pertubuhan Pembangunan Insan Sarawak (PPIS) itu turut menawarkan sokongan penting untuk remaja terbabit.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Sri Nancy Shukri, berkata ia merangkumi penjagaan kesihatan, perkhidmatan kesihatan mental, kaunseling serta kemahiran latihan untuk membina semula kehidupan mereka.

Menurutnya, sistem sokongan itu disusun atur bagi memastikan ibu muda terbabit mendapatkan semula keyakinan diri dan melangkah ke masa depan dengan bermaruah serta penuh kekuatan. "Usaha yang dilakukan YSD



Nancy (tiga dari kanan) menyaksikan penyerahan tajaan YSD oleh Tunku Imran kepada Manjeet Kaur di Kuching, baru-baru ini. (Foto Mohd Roji Kawi/BH)

dalam mengintegrasikan pendidikan dan latihan vokasional ke dalam inisiatif itu harus dipuji.

"Membekalkan ibu muda dengan kemahiran dan pengetahuan bukan sahaja membantu mereka meneruskan hidup, malah memberi peluang untuk berkembang maju," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Rumah Singgah Untuk Remaja Memerlukan Dawn Hope: A Safe Haven For Girls in Need di Kuching, baru-baru ini.

Nancy berkata, pendidikan berterusan dan latihan kemahiran mampu membuka peluang ke arah

masa depan lebih cerah.

"Saya turut gembira apabila mengetahui PPIS juga menyediakan sesi latihan untuk ibu bapa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin komuniti dalam inisiatif ini.

"Usaha ini penting dalam meningkatkan kesedaran, mencegah kehamilan remaja serta mengurangkan kes pempuangan bayi," katanya.

Laksana ikut amalan terbaik

Menurutnya, kerjasama dengan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak akan memastikan pengurusan pusat per-

indungan dilakukan mengikut amalan terbaik serta dasar yang berkesan sentiasa diperhalusi.

"Isu menangani kehamilan remaja memerlukan pendekatan menyeluruh daripada seluruh masyarakat kerana antara isu yang sentiasa mendapat perhatian," katanya sambil memaklumkan 44,263 kes kehamilan remaja direkodkan di negara ini dalam tempoh lima tahun lalu dengan 17,646 daripadanya tidak berkahwin ketika hamil.

Beliau berkata, bagi Sarawak pula, statistik kehamilan luar nikah bagi remaja bawah umur direkodkan menurun pada 2024 iaitu 364 kes, berbanding 477 kes

pada 2023.

"Walaupun angka itu berjaya mempamerkan penurunan 113 kes pada tahun lalu, usaha berterusan dalam membangunkan sistem sokongan lebih kukuh amat diperlukan bagi membantu golongan yang terbabit," katanya.

Pengerusi YSD, Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja'afar pula berkata, pelancaran Dawn Hope menunjukkan komitmen kolektif pihaknya untuk menyokong ibu muda dalam membina semula kehidupan mereka.

"Menerusi inisiatif ini, YSD memastikan setiap penduduk menerima sokongan yang diperlukan untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat dengan penuh keyakinan.

"Kami juga berhasrat menangani isu sosial yang kritikal seperti pencegahan kehamilan remaja dan pempuangan bayi dengan menyediakan ruang selamat, peluang pendidikan dan program kesedaran," katanya.

Sementara itu, Presiden PPIS, Manjeet Kaur Sidhu, berkata remaja hamil yang memerlukan bantuan pusat perlindungan sementara Dawn Hope boleh menghubungi pihaknya.

"Kita akan bertemu mereka dan menjalankan saringan bagi memastikan kes yang diterima adalah sah dan layak.

"Selepas itu, mereka akan dipindahkan ke Dawn Hope ini," katanya sambil memaklumkan pusat transit itu akan beroperasi di Kuching.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PM wants flood mitigation, poverty eradication to be sped up



PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has instructed that efforts to ensure the people's welfare such as eradicating hardcore poverty and flood mitigation projects be expedited.

He said that he has requested the Treasury to provide flexibility to fast-track these efforts through immediate allocations, in collaboration with the Ministry of Economy, as well as faster pre-queue processes.

Anwar said that this primarily concerns projects that involve tender processes, which often take too long.

"Why do we emphasise the issue of tenders? Because I see that if we use negotiations instead, there is a lot of room for errors and leakage. Therefore, it is better to use a tender process.

"However, tenders, when following the usual process, can take too long. Yet, those affected by the floods cannot afford to wait," he said at a meeting with the staff of the Prime Minister's Department here on Monday (Feb 10). - Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BURUH NAFI AMANG SEKSUAL REMAJA 16 TAHUN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 FEB 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Buruh nafi amang seksual remaja 16 tahun

Kota Bharu: Seorang buruh didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap remaja perempuan berusia 16 tahun di kawasan hutan di Kuala Krai, Januari lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Mohamad Aiman Afham Zainal A'abidin, 21, mengaku tidak bersalah

dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut kertas pertuduhan, perbuatan itu dilakukan jam 7.30 malam pada 9 Januari lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 Akta sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebat.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Kamarul Hasyime Rosli dan tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah tidak menawarkan sebarang jaminan kepada tertuduh dan menetapkan 10 Mac depan untuk sebutan semula kes.



MOHAMAD Aiman Afham dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen, Kota Bharu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Orang awam berkas pemuda cabul wanita di R&R Seremban

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL 10 Februari 2025, 3:57 pm



Gambar hiasan

SEREMBAN – Seorang lelaki ditahan orang awam sebelum diserahkan kepada polis selepas mencabul wanita dalam kejadian di kawasan Rehat & Rawat Seremban arah selatan di Nilai tengah malam tadi.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintenden Abdul Malik Hasim berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai tangkapan ke atas lelaki tempatan pada pukul 12.15 tengah malam kerana didapati mencabul seorang wanita berusia dalam lingkungan 20-an.

“Bertindak atas maklumat, anggota Ibu Pejabat Polis Daerah Nilai tiba di lokasi dan membuat tangkapan terhadap suspek.

“Semakan mendapati suspek mempunyai dua rekod jenayah,” katanya kepada pemberita hari ini.

Pemuda itu dibawa ke Mahkamah Majistret di sini dan dibenarkan direman selama empat hari sehingga 13 Februari ini untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tertuduh amang seksual menangis tak mampu bayar ikat jamin RM30,000

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



Shaikh Farouqe gagal membayar ikat jamin RM30,000 atas pertuduhan amang dua pelajar di Segamat, bulan lalu. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Seorang lelaki warga India menangis selepas gagal membayar ikat jamin RM30,000 selepas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap dua pelajar perempuan di sebuah surau, bulan lalu.

Shaikh Farouqe Nabisaheb, 59, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dikemukakan dalam Bahasa Hindi di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap pelajar perempuan berusia 10 dan 13 tahun di sebuah surau di Segamat, 6.20 petang, 4 Januari lalu.

Untuk kedua-dua pertuduhan, dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mengikut laporan dibuat, kedua-dua mangsa bersama seorang lagi rakan lelaki sedang bermain di taman permainan sebelum mereka ke surau terbabit untuk minum air kerana kehausan.

Sewaktu selesai minum air, tertuduh menegur mangsa sebelum menghulurkan RM1 setiap seorang dan pada ketika itu, tertuduh mengambil kesempatan melakukan perbuatan itu terhadap kedua-dua mangsa.

Bagaimanapun, perbuatan tertuduh turut disaksikan rakan lelaki mangsa sebelum mereka memberitahu ibu bapanya mengenai kejadian itu.

Susulan itu, ahli keluarga kedua-dua mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Segamat pada Januari dengan tertuduh ditahan pada hari sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan manakala tertuduh diwakili peguam Amir Anuar Abd Ghani.

Terdahulu, pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM50,000 untuk kedua-dua pertuduhan selain menetapkan syarat tambahan termasuk memohon supaya pasport tertuduh diserahkan mahkamah.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dengan mengarahkan pasport tertuduh diserahkan selain perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan.

Pada masa masa, mahkamah juga memerintahkan tertuduh agar tidak mengganggu saksi pendakwaan terutamanya mangsa sehingga kes selesai dan menetapkan 18 Mac ini untuk serahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MENGAKU NODA GADIS BARU DIKENALI

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 FEB 2025

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Mengaku noda gadis baru dikenali

Muar: "Saya merayu hukuman diringankan, ayah saya tak sihat sekarang," rayu pekerja kedai cuci kenderaan yang mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol remaja perempuan baru dikenali, minggu lalu.

Mohammad Syed Kamarul Akhmal Amran, 28, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan sebelum Hakim Sayani Mohd Nor menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan dua sebatan.

Mengikut pertuduhan,

dia yang masih bujang didakwa merogol remaja berusia 13 tahun di sebuah rumah di Batu Pahat, antara jam 4.30 hingga 5 pagi, 2 Februari lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 3 Februari lalu, polis menerima laporan daripada pihak Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) berhubung seorang pesakit yang juga mangsa, dirogol

kenalan lelaki.

Siasatan polis mendapati, sehari sebelum kejadian, tertuduh didakwa mengenali mangsa di sebuah kedai makan pada jam 1.30 pagi lalu mengajaknya ke rumah lelaki terbabit.

Perbuatan itu dilakukan oleh tertuduh ketika ahli keluarganya sedang tidur dan siasatan juga mendapati mangsa adalah individu yang dilaporkan hilang sebelum ini.

Kejadian itu terbongkar apabila ahli keluarganya membawa mangsa ke HSNI untuk menjalani pemeriksaan sebelum mendapati

dia telah dirogol.

Susulan itu, ahli keluarga mangsa membuat laporan di Balai Polis Yong Peng pada 3 Februari lalu dengan tertuduh ditahan keesokan hari.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Selain menjatuhkan hukuman itu, mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani sesi kaunseling ketika di penjara serta pengawasan polis setahun sebaik selesai tahanan.



MOHAMMAD Syed Kamarul dipenjara lima tahun dan dua sebatan selepas mengaku bersalah merogol remaja baru dikenali.